

PELAKSANAAN TRANSFORMASI PRAKTIKUM DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA (IPGM) MENURUT PERSPEKTIF GURU PEMBIMBING

*The Implementation of Practicum Transformation in Institutes of Teacher Education
Malaysia From The Cooperating Teachers' Perspectives*

¹Mohd Nordin Abu Bakar, PhD

²Syed Ismail Syed Mustapa, PhD

³Kamaruddin Yahaya

¹Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Teknik

² & ³Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas

syed_ismail@ipgkik.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji pelaksanaan transformasi praktikum di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) menurut perspektif guru pembimbing. Sampel kajian ini terdiri daripada 1411 orang guru pembimbing dan 2504 orang siswa guru yang terdapat di 27 buah IPG di seluruh Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan gabungan dengan menjadikan pendekatan kuantitatif melalui instrumen soal selidik sebagai rujukan utama. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap amalan bimbingan pensyarah penyelia dalam enam (6) aspek kajian berada pada tahap sederhana tinggi dengan catatan min 3.83 ($sp=.44$). Disamping itu dapatan kajian juga menunjukkan tidak semua IPG Kampus melaksanakan sesi pendedahan aktiviti transformasi praktikum seperti yang dirancang. Dalam masa yang sama, kajian membuktikan bahawa sesi pendedahan transformasi praktikum dapat membantu guru pembimbing untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh siswa guru. Seterusnya pihak IPGM perlu memberikan pertimbangan terhadap beberapa cadangan penambahbaikan dalam transformasi praktikum iaitu untuk merangka latihan secara berterusan kepada guru pembimbing, mempelbagaikan mekanisme penilaian, nisbah guru pembimbing dengan siswa guru, kolaboratif antara guru pembimbing dengan pensyarah penyelia dan kesesuaian waktu pelaksanaan praktikum dengan sesi persekolahan.

Kata Kunci: transformasi praktikum, guru pembimbing, siswa guru, penyeliaan klinikal, amalan refleksi, kemahiran menilai, memberi maklum balas

ABSTRACT

This research seeks to study the implementation of practicum transformation in the Institutes of Teacher Education Malaysia from the cooperating teachers' perspectives. This study comprised of 1411 cooperating teachers' and 2504 student teachers' from 27 Institutes of Teacher Education in Malaysia. This study adopts a mixed method approach using questionnaires as the main source of data. Findings showed that the level of practicum supervisors' supervisory practice in six aspects in the study was at a level of medium high with the mean of 3.83 ($sd=.44$). In addition, findings revealed that not all Institutes of Teacher Education carried out a briefing session to the appointed cooperating teachers on practicum transformation activities as they were supposed to. The study proved that the briefing session on practicum transformation had actually helped cooperating teachers' overcome problems faced by student teachers. Hence, Institutes of Teacher Education Malaysia should consider the suggestions for improvement of practicum transformation such as planning continuous training for cooperating teachers, vary evaluation mechanism, improve cooperating teachers to student teachers' ratio and encourage cooperation between

cooperating teachers and practicum supervisors and also review the suitability of practicum implementation with school session.

Keywords: practicum transformation, cooperating teachers, student teachers, clinical observation, reflection practice, evaluation skill, giving feedback

PENGENALAN

Pelaksanaan praktikum dalam latihan perguruan merupakan satu program latihan praktikal yang sistematik, berasaskan sekolah dan bersifat *developmental* yang membolehkan pelajar membina, menguasai dan mengukuhkan ilmu profesional perguruan untuk menjadi guru permulaan yang berkesan. Semasa proses pelaksanaan praktikum, keutamaan diberikan kepada pencerapan klinikal dan bimbingan yang memerlukan jalinan kerjasama dan pengkongsiian pintar antara IPG dengan sekolah (IPGM, 2018).

Melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM), keberhasilan pendidikan yang diterjemahkan dengan pembangunan modal insan yang berkualiti merupakan sandaran negara ke arah mencapai taraf negara maju. Amanah ini merupakan tanggungjawab besar yang perlu dihayati oleh semua warga pendidik, khususnya warga IPGM. Peranan dan komitmen padu diperlukan dan tugas menjadi sangat mencabar dengan keperluan menyediakan latihan dan pembelajaran bagi melahirkan bakal-bakal guru yang berkualiti serta bersedia menghadapi cabaran untuk merealisasikan transformasi pendidikan negara seperti yang dihasratkan dalam PPPM 2013-2025.

Justeru, amalan profesional di IPG masa kini perlu dimantapkan. Fokus transformasi dalam amalan profesional adalah untuk menyusun dan memantapkan pelaksanaan praktikum sedia ada dengan merapatkan jurang antara teori dengan praktikal, khususnya ketika siswa guru IPG berhadapan dengan situasi sebenar di sekolah. Melalui transformasi praktikum, IPG telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Penggerak yang terdiri daripada beberapa orang ketua Unit Praktikum, pensyarah kanan dan pensyarah pakar dari beberapa buah IPG Kampus yang terpilih bagi memperkenalkan pemantapan pelaksanaan praktikum secara bertema di samping meningkatkan kualiti pemerhatian dan pencerapan klinikal, dan menambah baik program pementoran.

Pendedahan terhadap aktiviti transformasi praktikum IPG ini telah dilaksanakan di kesemua 27 buah IPG di Malaysia. Semua pensyarah yang berada di IPG dan guru pembimbing yang terlibat dengan amalan profesional (praktikum) telah diberikan latihan oleh jawatankuasa yang terlibat. Oleh yang demikian, satu kajian menyeluruh yang melibatkan kesemua 27 IPG telah dilaksanakan untuk mengetahui keberkesanan latihan dan impak bimbingan yang diberikan oleh guru pembimbing terhadap siswa guru melalui aktiviti transformasi praktikum yang telah dibangunkan oleh IPGM.

PERNYATAAN MASALAH

Bimbingan pengajaran pensyarah yang menjadi pelaksana dasar dalam konteks praktikum, lebih memberikan kesan kepada pembentukan kualiti siswa guru, khususnya dalam aspek perancangan dan pelaksanaan pengajaran (Hasriani 2007). Melalui program mentoran praktikum, pensyarah akan dapat menggunakan segala sumber yang ada untuk membimbing siswa guru mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan seterusnya dapat menyerlahkan potensi masing-masing terutamanya dalam aspek amalan pengajaran (Baharin 2006; Mahyuddin & Mardiyah, 2008).

Namun begitu sehingga kini terdapat pelbagai masalah telah dikenal pasti dihadapi oleh siswa guru ketika mereka menjalani praktikum. Antaranya adalah seperti tahap kesediaan dan pengetahuan pedagogi

siswa guru dikatakan masih kurang memuaskan (Abdul Razak & Ahmad Shukri, 2002); minat, sikap, pengetahuan dan kemahiran mengajar yang sederhana (Baharin, 2006; Halimah, 2006); keyakinan diri mereka dalam menyampaikan isi pelajaran juga dikatakan masih rendah (Hashim & Mohd Daud, 2001); prestasi siswa guru ketika praktikum kurang memuaskan (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia & Kementerian Pelajaran Malaysia, 2005); dan kurangnya usaha siswa guru untuk mengajar dan memperbaiki pengajaran (Zakaria, Soaib, Abdul Rasid & Yahya, 2001).

Berdasarkan proses yang dilalui oleh siswa guru ketika menjalani praktikum, maka program praktikum di sekolah akan menguji semangat, kesabaran, daya usaha serta ketahanan fizikal dan mental siswa guru dalam usaha untuk menjadi guru yang berkualiti (Ebmeier 2003; Hensley, Smith & Thomson 2003). Walaupun mungkin tidak sampai mengalami kejutan budaya, namun cabaran-cabaran yang dihadapi jika gagal ditangani dan tidak mendapat bimbingan yang sewajarnya, maka siswa guru akan menghadapi tekanan (Mohd Nor & Ismail, 2008). Masalah tersebut akan menjadikan siswa guru kurang bersemangat, rendah diri, mudah berputus asa dan bersikap negatif terhadap program praktikum (Ivylenda, 2007; Azizah 2006). Tanpa bimbingan daripada pensyarah penyelia, kestabilan emosi siswa guru akan tergugat (Nor Hasniza, 2006; Zainudin, 2006). Oleh kerana siswa guru merupakan bakal guru yang diharapkan menjadi penggerak dan peneraju utama sistem pendidikan negara, maka sewajarnya IPG mampu melatih bakal guru yang benar-benar berkualiti (Fatimah, 2002). Dengan adanya amalan bimbingan pengajaran oleh pensyarah penyelia dan dilaksanakan secara terancang, maka sudah pastilah kualiti siswa guru akan dapat dipertingkatkan (Syed Ismail, 2016).

Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) telah melaksanakan aktiviti transformasi praktikum dengan menyediakan kertas kosep, modul pratikum dan latihan pembangunan staf kepada semua pensyarah dan guru pembimbing yang telibat. Latihan berkenaan adalah berfokus kepada pelaksanaan bimbingan dengan memberikan pendedahan terhadap konsep praktikum bertema, konsep permentoran, penyeliaan klinikal, pendekatan bimbingan, menilai dan memberi maklumbalas, dan amalan refleksi. Oleh yang demikian, kajian menyeluruh perlu dilakukan untuk mengetahui kefahaman guru pembimbing terhadap aktiviti transformasi praktikum dan impak bimbingan yang diberikan oleh mereka bagi melahirkan siswa guru yang benar-benar berkualiti seperti yang dihasratkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

TINJAUAN LITERATUR

Bimbingan pengajaran di peringkat sekolah merujuk satu bentuk amalan kepemimpinan yang lebih menekankan kepada keberkesanan pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran (Jamaliah & Norhasimah 2006; Muijs & Harris 2007). Pengetua sebagai pemimpin pengajaran di peringkat sekolah seharusnya mempunyai keupayaan mempengaruhi guru seajar dengan tingkah laku amalan bimbingan yang sepatutnya (Hebert 2006; Yu, Leithwood & Jantzi, 2002).

Amalan bimbingan pengajaran yang berkesan bukan hanya semata-mata terletak pada kualiti peribadi seseorang pemimpin, tetapi juga bergantung kepada peranan yang dimainkan oleh pemimpin tersebut yang meliputi gaya kepemimpinan, hubungannya dengan wawasan, nilai dan matlamat sekolah serta pendekatan yang digunakan dalam proses melaksanakan perubahan (Cooper, 2003; Hussein, 2008). Tiga ciri pemimpin yang sering dihubungkan dengan amalan bimbingan pengajaran yang berjaya iaitu ketekalan matlamat, penglibatan staf dalam membuat keputusan serta mempunyai kewibawaan dalam pengajaran dan pembelajaran (Ishak 2004; Zaliha 2009).

Konsep bimbingan pengajaran dalam praktikum memerlukan pensyarah dan guru pembimbing menyelia dan membimbing guru pelatih sebelum, semasa dan selepas setiap sesi pengajaran (Hanizah 2003; Normahajazrin 2003; Oven 2001). Semasa melaksanakan penyeliaan, pensyarah dan guru pembimbing

perlu mencatat kelemahan dan kekuatan guru pelatih serta memberikan bimbingan dan tunjuk ajar berasaskan penyeliaan klinikal bagi meningkatkan mutu pengajaran (Zainudin 2006; Ying, 2002).

Dalam konteks praktikum juga setiap guru pelatih mengharapkan mereka memperoleh bimbingan pengajaran yang sewajarnya supaya mereka dapat melaksanakan tugas pengajaran dan pembelajaran sama ada di dalam atau di luar bilik darjah dengan baik bagi mencapai objektif pelajaran yang telah dirancang (Syed Ismail, 2014). Ketika memberikan bimbingan pengajaran, pensyarah dan guru pembimbing perlulah melakukan pemerhatian dan penyeliaan terhadap pengajaran guru pelatih bagi melihat kekuatan dan kelemahan untuk tujuan penambahbaikan (Glickman 2007; Hapidah et al. 2002; Zainudin 2006).

Bimbingan pensyarah penyelia didapati memberi impak bimbingan yang paling jelas kepada siswa guru, khususnya dalam penulisan objektif pengajaran. Mereka lebih mudah merancang objektif pengajaran setelah menerima bimbingan daripada pensyarah penyelia. Di samping itu dengan adanya bimbingan objektif pengajaran, siswa guru dapat menguruskan kelas dengan lebih terancang. Siswa guru turut sangat berpuas hati terhadap teladan yang baik motivasi yang diberikan oleh pensyarah penyelia. (Syed Ismail, Ahmad Subki, Noor Fitriyati & Nurhidayah, 2018).

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meninjau perspektif guru pembimbing terhadap pelaksanaan aktiviti transformasi praktikum yang dilaksanakan oleh Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), KPM. Tumpuan kajian difokuskan kepada aspek praktikum bertema, konsep permentoran, penyeliaan klinikal, pendekatan bimbingan, menilai dan memberi maklumbalas, amalan refleksi dan impak bimbingan kepada siswa guru.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif khusus kajian ini adalah untuk mengenal pasti;

- i. tahap amalan bimbingan dalam aspek praktikum bertema, konsep permentoran, penyeliaan klinikal, pendekatan bimbingan, menilai dan memberi maklum balas, amalan refleksi dan impak bimbingan dalam pelaksanaan transformasi praktikum menurut guru pembimbing;
- ii. sejauhmanakah keberkesanan sesi pendedahan transformasi praktikum terhadap pelaksanaan aktiviti pementoran berstruktur menurut perspektif guru pembimbing;
- iii. cadangan penambahbaikan dalam transformasi praktikum menurut perspektif guru pembimbing.

REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan gabungan (*mixed method*) yang menggabungkan reka bentuk kajian kuantitatif dan kualitatif. Reka bentuk kajian kuantitatif melibatkan kaedah kajian tinjauan, manakala reka bentuk kajian kualitatif pula menggunakan kaedah temu bual, pemerhatian dan semakan dokumen. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan pendekatan kuantitatif sebagai kaedah utama kajian. Data-data kualitatif pula digunakan sebagai data sokongan untuk mengukuhkan dapatan kajian.

Instrumen Kajian

Bagi mencapai objektif kajian, tiga set instrumen set soal selidik telah digunakan. Instrumen penilaian guru pembimbing yang mengandungi konstruk Praktikum Bertema, Permentoran Berstruktur, Penyeliaan Klinikal, Bimbingan Dalam Praktikum, Kemahiran Menilai dan Memberi Maklum Balas, Kemahiran Refleksi, Impak Bimbingan, dan Soalan Respon Terbuka. Soal selidik penilaian siswa guru pula mengandungi konstruk Transformasi Praktikum dan Penilaian Terhadap Guru Pembimbing.

Setiap item dijawab berdasarkan Skala Likert dengan 1. Sangat rendah; 2. rendah; 3. sederhana; 4. tinggi; dan 5. Sangat tinggi. Seterusnya bagi mendapatkan data secara kualitatif, pengkaji telah menggunakan protokol temu bual. Melalui protokol temu bual ini, pengkaji telah membina lima soalan yang memerlukan responden memberikan pendapat mereka berdasarkan isu yang berkaitan dengan amalan transformasi praktikum IPGM.

Kesahan dan Kebolehpercayaan

Sebelum menjalankan kajian, instrumen yang dibina telah diuji kesahan dan kebolehpercayaan setiap item yang diuji. Bagi tujuan kesahan, pengkaji telah menjalankan kesahan kandungan dengan merujuk instrumen tersebut kepada 5 orang pensyarah pakar yang terlibat dalam transformasi praktikum ini. Teguran dan pandangan daripada 5 orang pensyarah pakar ini telah diambil kira dalam pemurnian dari segi penggunaan bahasa, kejelasan maksud dan isi kandungan setiap item yang dibina.

Instrumen yang telah diuji kesahannya itu diuji pula kepada 74 orang siswa guru dan 27 orang pensyarah penyelia dari IPG Kampus Bahasa Melayu untuk menguji kebolehpercayaan item yang dibina. Pada 30 Ogos 2018, pasukan pengkaji telah menguji kebolehpercayaan instrumen kajian ini. Pengkaji mendapati bahawa reabiliti instrumen penilaian pelajar adalah 0.981 yang melibatkan 78 item. Sementara itu realibiliti instrumen penilaian pensyarah pula adalah 0.969 dan melibatkan 54 item. Oleh yang demikian, item yang dibina boleh digunakan untuk tujuan kajian dan dapat mengukur setiap konstruk yang terdapat dalam kajian ini.

Data secara kualitatif pula diperolehi melalui temu bual sesi temu bual antara peserta kajian dengan pengkaji (penemu bual) sahaja, maka perkongsian pengalaman, idea dan pandangan oleh peserta kajian dapat dilakukan secara bebas, terbuka dan tanpa gangguan (Morgan 1998). Berdasarkan Miles & Huberman (1994), bahawa tiada garis panduan tertentu terhadap pembinaan soalan kualitatif, maka pengkaji telah membina soalan temu bual individu dalam kajian ini mengikut garis panduan penyediaan kumpulan fokus (Krueger 1994) yang melibatkan lima jenis soalan, iaitu soalan pembuka, soalan pengenalan, soalan transisi, soalan kunci dan soalan penutup. Soalan terbuka yang dikemukakan kepada guru pembimbing dan siswa guru ini juga telah dirujuk kepada pakar yang sama untuk disemak.

ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN HASIL KAJIAN

Data-data yang diperolehi dianalisis dengan berpandukan program *Statistical Package for the Social Science (SPSS)* Version 22.0. Pengkaji melaksanakan pentaksiran skor min berasaskan pentaksiran oleh Nunnally & Bernstein (1994), dengan mengintegrasikan min kemahiran kepimpinan dalam kajian ini seperti yang berikut:

Jadual 1
Jadual penentuan min

BIL	NILAI MIN	ARAS
1	4.01 hingga 5.00	Tinggi
2	3.01 hingga 4.00	Sederhana Tinggi
3	2.01 hingga 3.00	Sederhana Rendah
4	1.00 hingga 2.00	Rendah

Sumber: Nunnally, J. C. & Bernstein 1994

Populasi dalam kajian ini adalah semua guru pembimbing yang terlibat dalam dalam penyeliaan praktikum siswa guru Semester lima (5) dan Semester tujuh (7) program PISMP, IPGM. Bagi mendapatkan sampel daripada populasi kajian, maka pengkaji telah melakukan persampelan rawak berkelompok. Persampelan rawak berkelompok adalah sampel dipilih berdasarkan kelompok populasi. Taburan populasi mengikut kampus ditunjukkan seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2

Bil sampel guru pembimbing mengikut IPGK

BIL	IPGK	n	PENGALAMAN DI SEKOLAH			PENGALAMAN MEMBERI BIMBINGAN		
			0-5	<5	%	0-5	<5	%
1	Bahasa Antabangsa (IPGKBA)	53	10	43	81.1	35	18	34.0
2	Bahasa Melayu (IPGKBM)	32	4	28	87.5	17	15	46.9
3	Tun Hussein Onn (IPGKTHO)	60	7	53	88.3	54	6	10.0
4	Pendidikan Islam (IPGKPI)	49	5	44	89.8	32	17	34.7
5	Ilmu Khas (IPGKIK)	14	5	9	64.3	14	0	0.0
6	Pendidikan Teknik (IPGKPT)	13	1	12	92.3	8	5	38.5
7	Raja Melewar (IPGKRM)	87	3	84	96.6	68	19	21.8
8	Perempuan Melayu Melaka (IPGKPM)	45	4	41	91.1	36	9	20.0
9	Temenggung Ibrahim (IPGKTI)	87	21	66	75.9	72	15	17.2
10	Tengku Ampuan Afzan (IPGKTAA)	49	9	40	81.6	37	12	24.5
11	Tuanku Bainun (IPGKTB)	32	2	30	93.8	23	9	28.1
12	Darulaman (IPGKDA)	35	1	34	97.1	21	14	40.0
13	Ipoh (IPGKI)	80	3	77	96.3	58	22	27.5
14	Kota Bharu (IPGKKB)	25	0	25	100.0	14	11	44.0
15	Dato' Razali Ismail (IPGKDRI)	40	2	38	95.0	28	12	30.0
16	Sultan Abdul Halim (IPGKSAH)	96	6	90	93.8	80	16	16.7
17	Sultan Mizan (IPGKSM)	34	2	32	94.1	23	11	32.4

18	Perlis (IPGKP)	65	5	60	92.3	53	12	18.5
19	Pulau Pinang (IPGKPP)	119	5	114	95.8	87	32	26.9
20	Tun Abdul Razak (IPGKTAR)	81	5	76	93.8	64	17	21.0
21	Batu Lintang (IPGKBL)	50	0	50	100.0	37	13	26.0
22	Gaya (IPGKG)	33	5	28	84.8	17	16	48.5
23	Keningau (IPGK KENINGAU)	53	3	50	94.3	30	23	43.4
24	Kent (IPGK KENT)	17	2	15	88.2	13	4	23.5
25	Miri (IPGK MIRI)	73	9	64	87.7	59	14	19.2
26	Rajang (IPGKR)	74	8	66	89.2	59	15	20.3
27	Tawau (IPGKT)	15	1	14	93.3	9	6	40.0
KESELURUHAN		1343	1411	128	1283	90.9	1048	363

Berdasarkan Jadual 2, daripada 1411 bilangan guru pembimbing yang terlibat dengan bimbingan praktikum, 1238 orang (90.9%) telah berkhidmat lebih daripada 5 tahun di sekolah. Selain itu data juga menunjukkan bahawa daripada jumlah keseluruhan responden, hanya 363 orang (25.7%) guru pembimbing mempunyai pengalaman menjadi pembimbing praktikum. Oleh kerana peratus yang agak rendah ini, maka perhatian perlu diberikan kepada 1048 orang (74.3%) guru pembimbing yang mempunyai pengalaman kurang daripada 5 tahun sebagai guru pembimbing praktikum.

Jadual 3

Bil keseluruhan sampel guru pembimbing

Bil	Jantina	Bil.	%	Sem 5	Sem 7	Sem 5 & 7
1	Lelaki	336	23.8			
2	Perempuan	1075	76.2	841	489	81
3	Jumlah	1411	100.0	(59.6%)	(34.7%)	(5.7%)

Berdasarkan Jadual 3, secara keseluruhannya terdapat 1411 guru pembimbing yang telah menjawab instrumen yang diedarkan. Daripada jumlah tersebut, 336 orang (23.8%) adalah guru pembimbing lelaki manakala 1075 (76.2%) adalah guru pembimbing perempuan.

Analisis data seterusnya menunjukkan bahawa 841 orang (59.6%) adalah guru pembimbing kepada siswa guru semester 5, manakala 489 orang (34.7%) adalah guru pembimbing kepada siswa guru semester 7 dan 81 orang (5.7%) terlibat sebagai guru pembimbing bagi kedua-dua kumpulan siswa guru dari semester 5 dan semester 7.

Untuk menjawab objektif pertama kajian iaitu mengenal pasti tahap amalan bimbingan dalam aspek praktikum bertema, konsep permentoran, penyeliaan klinikal, pendekatan bimbingan, menilai dan memberi

maklumbalas, amalan refleksi dan impak bimbingan dalam pelaksanaan transformasi praktikum menurut guru pembimbing dapatan kajian adalah ditunjukkan dalam Jadual 4.

Jadual 4

Tahap amalan bimbingan guru pembimbing dalam pelaksanaan transformasi praktikum

Bil	Amalan Bimbingan	Min	sp
1	Praktikum Bertema	3.65	.57
2	Konsep Permentoran	3.65	.55
3	Penyeliaan Klinikal	3.51	.61
4	Pendekatan Bimbingan	3.91	.49
5	Penialian & Maklum Balas	3.91	.49
6	Amalan Refleksi	3.88	.51
7	Impak Bimbingan	3.91	.49
	Keseluruhan	3.88	.44

Berdasarkan Jadual 4, kajian menunjukkan bahawa tahap amalan bimbingan guru pembimbing dalam enam (6) aspek kajian bagi 27 buah IPGK berada pada tahap sederhana tinggi dengan catatan min 3.88 (sp= .44). Selain itu dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap amalan bimbingan guru pembimbing dalam setiap aspek juga berada pada tahap sederhana tinggi, iaitu praktikum bertema (min=3.65; sp=.57); konsep permentoran (min=3.65; sp=.55); penyeliaan klinikal (min=3.51; sp=.61); pendekatan bimbingan (min=3.91; sp=.49); menilai dan memberi maklumbalas (min=3.91; sp=.49); refleksi (min=3.88; sp=.51); dan impak bimbingan (min=3.91; sp=.49) dalam pelaksanaan transformasi praktikum.

Berdasarkan temu bual dan pemerhatian, didapati hampir kesemua guru pembimbing melaksanakan bimbingan sebelum penyeliaan. Bimbingan guru pembimbing sebelum PdP dilaksanakan pada hari yang sama ataupun sehari sebelum penyeliaan dilaksanakan. Bimbingan selepas penyeliaan juga dilaksanakan secara bersemuka oleh guru pembimbing dengan mengambil kira semua aspek PdP. Fokus yang diberikan tertumpu kepada pelbagai perkara seperti RPH serta komponen yang terkandung dalam RPH seperti format RPH, hasil pembelajaran, aktiviti yang dirancang, EMK, dan PAK-21. Pembimbing mengambil masa yang mencukupi untuk berbincang dengan siswa guru sama ada sebelum PdP mahupun selepas PdP. Perbincangan selepas PdP membantu siswa guru untuk lebih bersedia bagi penyeliaan yang seterusnya.

Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan guru pembimbing yang tidak memahami tentang proses pelaksanaan penyeliaan klinikal semasa tempoh praktikum. Justeru, guru pembimbing cuma melaksanakan bimbingan selepas sesi PdP sahaja. Di samping itu terdapat juga siswa guru yang menyatakan bahawa mereka agak sukar untuk mencari guru pembimbing untuk mendapatkan nasihat dan pandangan.

Pengalaman guru pembimbing juga telah digunakan sebagai pendedahan awal kepada siswa guru sebelum mereka melaksanakan pengajaran di dalam kelas. Bagi memastikan siswa guru mendapat gambaran yang sebenar, guru pembimbing membawa siswa guru ke dalam kelas lain untuk melihat bagaimana rakan mereka mengajar dan antara yang dilaksanakannya adalah seperti berikut;

- i. guru pembimbing *pre checking*;
- ii. menyemak rancangan pelajaran harian dan portfolio;
- iii. kesesuaian dengan sukatan;
- iv. perkongsian panduan berdasarkan pengalaman;
- v. strategi penggunaan bahan bantu mengajar
- vi. set induksi;

vii. membawa melihat pengajaran rakan.

Bagi menjawab objektif kedua kajian iaitu untuk mengenalpasti sejauhmanakah keberkesanan sesi pendedahan transformasi praktikum terhadap pelaksanaan aktiviti pementoran berstruktur menurut perspektif guru pembimbing, dapatan temu bual menunjukkan tidak semua IPGK melaksanakan taklimat Transformasi Praktikum sepenuhnya seperti yang telah dirancang. Sesi pendedahan kepada guru pembimbing tersebut ditunjukkan dalam Jadual 5.

Jadual 5
Sesi pendedahan kepada guru pembimbing

Bil	IPGK	Sesi Pendedahan	
		Guru pembimbing	Pensyarah Penyelia
1	B.A'bangsa	Sinergi Ilmu	Bengkel
2	B.Melayu	Taklimat	Bengkel
3	T.H.Onn	Taklimat	Bengkel
4	Islam	Bengkel	Bengkel
5	Khas	Edaran bahan/hebahan	Sinergi Ilmu
6	Teknik	Bengkel	Bengkel
7	R.Melewar	Taklimat	Bengkel
8	P.Melayu	Taklimat	Bengkel
9	T.Ibrahim	Bengkel	Bengkel
10	T.A.afzan	Taklimat	Taklimat
11	T.Bainun	Taklimat	Bengkel
12	Darulaman	Taklimat	Taklimat
13	Ipoh	Bengkel	Bengkel
14	K.Baharu	Taklimat	Taklimat
15	KDRI	Taklimat	Bengkel
16	KSAH	Taklimat	Bengkel
17	S. Mizan	Taklimat	Taklimat
18	Perlis	Bengkel	Bengkel
19	P.Pinang	Taklimat	Bengkel
20	T.A.Razak	Sinergi Ilmu	Bengkel
21	B.Lintang	Tiada maklumat	
22	Gaya	Edaran bahan/hebahan	Bengkel
23	Keningau	Tiada maklumat	
24	Kent	Bengkel	Bengkel
25	Miri	Taklimat	Bengkel
26	Rajang	Edaran bahan/hebahan	Bengkel
27	Tawau	Taklimat	Taklimat

Berdasarkan Jadual 5, terdapat juga IPGK yang hanya memberikan taklimat Transformasi Praktikum kepada guru pembimbing. Selain itu terdapat juga IPGK yang tidak melaksanakan transformasi

praktikum atas alasan penyuraian (IPGK Miri). Data melalui temu bual juga mendapati bahawa terdapat juga IPGK yang memberikan pilihan kepada guru pembimbing sama ada untuk melaksanakan transformasi praktikum ataupun tidak semasa pengumpulan data kajian ini dilaksanakan dan tidak melaksanakan taklimat kepada guru pembimbing (IPGK Gaya).

Melalui sesi temu bual dengan guru pembimbing dan siswa guru untuk mengetahui keberkesanan sesi pendedahan transformasi praktikum, didapati antara keberkesanan sesi pendedahan transformasi praktikum ini adalah dapat menangani isi seperti berikut;

i) Membantu guru pembimbing menangani masalah berbangkit

Melalui sesi pendedahan yang dilakukan, guru pembimbing dapat mengemukakan beberapa isu yang berkaitan dengan perkembangan siswa guru. Isu-isu yang dibangkitkan telah dapat diperjelaskan dengan baik dan guru pembimbing yakin dapat menggunakannya jalan penyelesaian yang dicadangkan untuk mengatasi masalah tersebut.

ii) Guru pembimbing kurang kompeten

Guru pembimbing perlu mendapat pendedahan dan latihan yang mencukupi. Mereka perlu didedahkan kepada keseluruhan modul dan diberikan amali sehingga mencapai tahap kompetensi yang diperlukan. Melalui temu bual dengan siswa guru, terdapat juga guru pembimbing yang kurang mengambil berat tentang proses bimbingan yang diberikan. Guru pembimbing memberikan bimbingan secara menyeluruh, tidak secara bertema seperti yang terdapat di dalam modul transformasi praktikum.

Seterusnya untuk menjawab objektif ketiga kajian iaitu cadangan penambahbaikan dalam transformasi praktikum menurut perspektif guru pembimbing. Melalui sesi temu bual, pengkaji mendapati beberapa cadangan penambahbaikan dalam pelaksanaan transformasi praktikum telah dikemukakan oleh guru pembimbing. Antara yang dikemukakan oleh mereka adalah seperti berikut;

GP1: Pada pandangan saya, IPG perlu mengadakan latihan secara berterusan dan mempelbagaikan mekanisme penilaian;

GP2: Saya rasa nisbah guru pembimbing dengan siswa guru perlulah diteliti semula. Ya lah, kami pun kadang-kadang terkejar-kejar juga untuk membantu mereka ni;

GP3: Pensyarah dan kami guru pembimbing di sekolah perlu mengadakan perbincangan dengan lebih kerap lagi untuk melihat kesesuaian waktu pelaksanaan praktikum dengan sesi persekolahan.

Berdasarkan dapatan temu bual tersebut, maka antara cadangan penambahbaikan yang dicadangkan oleh guru pembimbing adalah keperluan untuk mengadakan latihan secara berterusan, mempelbagaikan mekanisme penilaian, nisbah guru pembimbing dengan siswa guru dan kolaboratif antara guru pembimbing dengan pensyarah penyelia perlulah diberikan perhatian yang sewajarnya.

RUMUSAN DAN CADANGAN

Berdasarkan dapatan kajian, dapatlah dirumuskan bahawa tahap amalan bimbingan dalam aspek praktikum bertema, konsep permentoran, penyeliaan klinikal, pendekatan bimbingan, menilai dan memberi maklum

balas, refleksi, dan impak bimbingan dalam pelaksanaan transformasi praktikum menurut perspektif guru pembimbing adalah berada pada tahap tinggi. Justeru, semua guru pembimbing perlu berusaha untuk mengekalkan kompetensi masing-masing bagi membantu siswa guru untuk terus cemerlang semasa mereka menjalani praktikum. Ini selaras dengan dapatan kajian yang membuktikan bahawa tanpa bimbingan daripada pembimbing, kestabilan emosi siswa guru akan tergugat (Nor Hasniza, 2006; Zainudin, 2006).

IPGM dan IPGK perlu memberikan latihan berterusan kepada guru pembimbing, khususnya dalam aspek penyeliaan klinikal dan praktikum bertema. Guru pembimbing juga perlu mengekalkan kompetensi mereka dengan adanya jaringan kolaboratif bersama pensyarah penyelia. Ini juga selari dengan kajian terdahulu yang membuktikan bahawa pensyarah penyelia dan guru pembimbing perlu berkolaboratif untuk mengenal pasti kelemahan dan kekuatan guru pelatih bagi meningkatkan mutu pengajaran mereka (Zainudin 2006; Ying, 2002). Walau bagaimanapun kajian ini juga mendapati bahawa tahap amalan dan impak bimbingan guru pembimbing dalam pelaksanaan transformasi praktikum masih boleh dipertingkatkan. Justeru, pihak IPGM, IPGK dan sekolah perlulah merangka latihan secara berterusan, khususnya kepada mereka yang baharu dilantik menjadi guru pembimbing.

Dalam aspek pendedahan transformasi praktikum dan pementoran berstruktur, kajian membuktikan bahawa guru pembimbing perlukan latihan yang lebih mendalam dan dilaksanakan dalam tempoh masa yang sesuai. Taklimat ringkas dan penyampaian maklumat melalui sesi pengurusan praktikum adalah tidak mencukupi dan kurang memberi kesan kepada kefahaman guru pembimbing untuk membolehkan mereka menguasai sepenuhnya pelaksanaan aktiviti dalam transformasi praktikum ini.

Guru pembimbing juga disarankan agar mempertimbangkan pelbagai aspek ketika memberikan bimbingan kepada siswa guru. Penekanan kepada pencapaian gred semata-mata adalah tidak digalakkan, sebaliknya bimbingan perlu dilaksanakan secara berterusan dalam usaha mengembangkan kompetensi siswa guru. Akhirnya kebanyakan daripada siswa guru mencadangkan agar elau praktikum dapat dikembalikan untuk mengurangkan bebanan kewangan mereka kerana perlu menyediakan bahan bantu mengajar dan terpaksa menyewa rumah lain semasa menjalani praktikum.

Secara keseluruhannya kajian ini telah dapat membantu pihak IPGM, IPGK dan sekolah untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan serta mencadangkan penambahbaikan bagi menjayakan transformasi praktikum di IPG. Pihak IPGM perlu menyediakan peruntukan kewangan yang secukupnya untuk membolehkan latihan berterusan dilaksanakan kepada guru pembimbing. IPGK pula perlu merancang latihan secara terperinci untuk membantu guru pembimbing menguasai perubahan yang dilaksanakan dalam transformasi praktikum ini. Pihak pengurusan IPGK dan sekolah juga perlu melantik mereka yang benar-benar kompeten untuk membolehkan setiap guru pembimbing melaksanakan tugas mereka dengan lebih berkesan dan memberi impak kepada kompetensi siswa guru.

RUJUKAN

Abdul Razak Abd Manaf & Ahmad Shukri Abdul Hamid. (2002). *Tinjauan terhadap permasalahan dan penilaian ke atas komponen latihan praktikum 1 program pengurusan kerja sosial*. Laporan Penyelidikan. Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia.

Azizah Rajab. (2006). *Tahap kebimbangan di kalangan guru pelatih TESL di Universiti Teknologi Malaysia: pengalaman pre dan pos*. Pusat Pengurusan Penyelidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

- Baharin Abu & Suzana Mamat @ Muhammad. (2009). *Pengetahuan etika profesion perguruan dalam kalangan guru pelatih 4SPH*: Fakulti Pendidikan UTM. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Baharin Abu. (2006). *Tahap kesediaan pedagogi guru pelatih fakulti pendidikan, UTM dalam latihan mengajar*. Kertas kerja dibentang dalam Kolokium Fakulti Pendidikan, UTM: Fakulti Pendidikan, UTM, Johor.
- Cooper, J. (2003). *Leadership for follower commitment*. Burlington: Butterworth Heinemann.
- Glickman, C., Gordon, S. & Ross-Gordon, J. (2007). *Supervision and instructional leadership: a development approach*. New York: Pearson.
- Halimah Harun. (2006). Minat, motivasi dan kemahiran mengajar guru pelatih. *Jurnal Pendidikan Fakulti Pendidikan*, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hamdan Said & Rahimah Abdul Rasid. (2008). *Amalan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran di Sekolah-Sekolah Kebangsaan di Daerah Melaka Tengah, Melaka*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Hanizah Osman. (2003). *Pemantapan penilaian pembimbing dalam program latihan mengajar di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO)*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
- Hapidah Mohamed, Roselan Baki, Nadzeri Hj. Isa, Mohd. Sahandri Gani Hamzah & Abd.Ghani Taib. (2002). *Kualiti pengajaran dan pembelajaran: Satu kajian retrospektif*. Seminar Penyelidikan Pendidikan. Institut Bahasa Melayu Malaysia. Kuala Lumpur.
- Hashim Othman & Mohd. Daud Hamzah. (2001). *Latihan mengajar kendalian sekolah: penerokaan komponen-komponen kecekapan mengajar guru pelatih pra-siswazah*. Kertas kerja dibentang dalam Conference on Challenges and Prospects in Teacher Education, Concorde Hotel. Shah Alam, 16-17 Julai.
- Hasriani Adjeng. (2007). *Faktor yang mempengaruhi keyakinan guru pelatih matematik semasa latihan mengajar*. Kajian ilmiah yang tidak diterbitkan. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Hebert, E. (2006). *The Boss of the school: Effective leadership in action*. New York: Teachers College Press.
- Hensley, L., Smith, S., & Waller-Thompson, R. (2003). Assessing competencies of counselors in training: complexities in evaluating personal and professional development. *Counselor Education and Supervision* 42: 219-230.
- Hussein Mahmood. (2008). *Kepemimpinan dan keberkesanan sekolah. (Edisi Kedua)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Institut Pendidikan Guru Malaysia. (2018). *Transformasi praktikum IPG*. Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Ishak Sin. (2004). *Komunikasi kepimpinan dan hubungannya dengan motivasi*. Kertas kerja dibentangkan dalam prosiding Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan Ke-12, IAB. Genting Highlands, 6-9 Disember.
- Ivylenda Rubbin Guribah. (2007). *Tinjauan masalah serta cabaran oleh guru pelatih sains Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang telah menjalani latihan mengajar bagi sesi 2006/2007*. Kajian Ilmiah Yang Tidak Diterbitkan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Jamaliah Abdul Hamid & Norhasimah Ismail. (2006). *Pengurusan dan kepemimpinan pendidikan: teori, aplikasi dan praktis*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia & Kementerian Pelajaran Malaysia. (2005). *Penilaian latihan mengajar dalam program pendidikan guru di Malaysia. Pulau Pinang: Jawatankuasa Penyelarasan Pendidikan Guru (JPPG) Malaysia*. Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia.
- Kouzes, J., & Posner, B. (2003). *The leadership challenge*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Krueger, R.A. (1994). *Focus group: a practical guide for applied research*. (Edisi kedua). Thousand Oaks: SAGE Publications.
- Mahyuddin Arsat & Mardiyah Jamaluddin. (2008). *Tahap kepuasan guru-guru pelatih terhadap guru-guru pembimbing semasa menjalani latihan mengajar*. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Miles, M.B. & Huberman, A.M. (1994). *Qualitative data analysis*. Thousand Oaks: SAGE Publications.
- Mohd Nor Jaafar & Ismail Mat Ludin. (2008). Kajian stres guru pelatih praktikum KPLI j-QAF. MPSAH. Kedah Darul Aman. *Jurnal Penyelidikan* 13: 22-26.
- Morgan, D.L. (1998). Practical strategies for combining qualitative and quantitative methods. applications to health research. *Qualitative Health Research* 3: 362-376.
- Muijs, D., & Harris, A. (2007). Teacher leadership in (in) action: three case studies of contrasting schools. *Educational Management Administration & Leadership* 35 (1): 111-134.
- Nor Hasniza Ibrahim. (2006). *Kajian pemikiran dan amalan refleksi di kalangan guru pelatih sains UTM*. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Normahajazarin Suria Jamuri. (2006). *Tinjauan maklum balas daripada guru pelatih UTM mengenai keberkesanan bimbingan guru pembimbing terhadap guru pelatih UTM semasa menjalani latihan mengajar*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Nunnally, J. C., & Bernstein. (1994). *Psychometric theory*. (Edisi ketiga). New York: McGraw-Hill.
- Oven, A. (2001). Using peer coaching and action research to structure the practicum concerns. *The Teacher Education* 37(2): 117-132.

- Shukri Zain. (2004). *Komunikasi kepemimpinan dan hubungannya dengan motivasi*. Seminar nasional pengurusan dan kepimpinan pendidikan ke-12, Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2-4 Julai.
- Sufa'at Tumin. (2009). Persidangan Kebangsaan Pengetua-Pengetua Sekolah Menengah Malaysia Johor. *Jurnal Pendidikan: 24-28*.
- Syed Ismail Syed Mustapa, Ahmad Subki Miskon, Noor Fitriyati Abdul Samad & Nurhidayah Jamaludin. (2018). Kemahiran mengajar siswa guru calon cemerlang praktikum dan amalan bimbingan pengajaran pensyarah semasa praktikum Fasa II, 2017. *Jurnal Pendidikan Serantau*, Jilid 5, Nombor 2, Disember 2018: 511-525.
- Syed Ismail Syed Mustapa. (2014). *Amalan dan pendekatan bimbingan pengajaran pensyarah dan guru pembimbing dalam program mentor praktikum dan hubungannya dengan kualiti guru pelatih*. Tesis Kedoktoran yang tidak diterbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yazid Abdul Manap & Siti Aminah Ismail. (2004). *Guru berkualiti: cabaran dan harapan*. Koleksi guru Johor Bestari penyemai kreativiti guru. (Edisi kelapan). Jabatan Pendidikan Negeri Johor.
- Ying, B. P. (2002). Amalan reflektif ke arah peningkatan profesionalisme diri guru. *Jurnal Pendidikan IPBA* 3(2): 102-109.
- Yu, H. Leithwood, K. & Jantzi, D. (2002). The effects of transformational leadership on teacher's commitment to change in Hong Kong. *Journal of Educational Administration* 40(4): 368-389
- Zainudin Abu Bakar. (2006). *Clinical supervision in the Malaysian teaching practicum context*. Dissertation: University of Bristol, UK.
- Zakaria Kasa, Soaib Asimirin, Abdul Rasid Jamian & Yahya Othman. (2001). Persepsi pelatih terhadap latihan mengajar. *Suara Pendidik* (23), 20-30.
- Zaliha Ismail. (2009). Hubungan antara gaya kepimpinan pengetua sekolah di malaysia dengan kepuasan kerja. *Jurnal Pendidikan Persidangan Kebangsaan Pengetua-Pengetua Sekolah Menengah Malaysia Johor: 22-27*